

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]
TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimana Kementerian menangani isu kemasukan pelajar-pelajar sekolah ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) setelah proses pembelajaran terjejas akibat COVID-19 dan apakah Kementerian bercadang menyemak semula kriteria kelayakan kemasukan ke IPT bagi pelajar yang terjejas pencapaian mereka kerana COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelajar yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2017, 2018 dan 2019 layak memohon untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi bagi sesi 2020/2021. Pelajar-pelajar ini tidak terkesan dengan pandemik COVID-19.

Bagi kemasukan untuk sesi 2021/2022 pula akan melibatkan pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan SPM pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh sesi persekolahan yang terjejas oleh COVID-19, peperiksaan ini telah ditangguhkan pelaksanaannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga suku tahun pertama 2021. Penangguhan pelaksanaan peperiksaan SPM ini bertujuan untuk memberikan masa yang mencukupi kepada pelajar bagi mendapatkan pembelajaran yang sepatutnya dan bersedia menghadapi peperiksaan. Kementerian Pendidikan Malaysia masih mengekalkan instrumen penilaian dan struktur peperiksaan SPM seperti sedia ada.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tidak bercadang untuk menyemak semula kriteria kelayakan masuk ke Institusi Pengajian Tinggi dan mengekalkan syarat memiliki SPM dengan melepasi Syarat Am dan Syarat Khas program bagi sesi kemasukan tahun 2021/2022. KPT telah membuat penyelarasan bersama dengan KPM dalam merancang pelaksanaan pemprosesan pemilihan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi supaya kemasukan dapat dilaksanakan selewat-lewatnya Oktober 2021.

Sekian, terima kasih.